**SOALAN LAZIM/ *FREQUENTLY ASKED QUESTIONS* (FAQ)**
**PROGRAM MyLESEN B2 TAHUN 2024**

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| **1.** | Apakah Program MyLesen B2 Tahun 2024? | Program MyLesen B2 Tahun 2024 adalah satu inisiatif Kerajaan bagi memperkasa 35,000 orang penerima (atau tanggungan) bantuan golongan B40 bagi mendapatkan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2. |
| **2.** | Apakah manfaat yang diperoleh oleh peserta sekiranya menyertai Program MyLesen B2 Tahun 2024? | Peserta akan ditawarkan dan dibiayai sepenuhnya untuk menjalani latihan dan ujian sehingga mendapatkan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2. |
| **3.** | Apakah kelas lesen yang ditawarkan di bawah Program MyLesen B2 Tahun 2024? | Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2 (Motosikal tidak melebihi 250 c.c.) |
| **4.** | Dimanakah calon boleh membuat pendaftaran bagi Program MyLesen B2 Tahun 2024? | Pendaftaran peserta boleh dibuat melalui pautan atau Kod QR seperti dibawah:<br><br>https://forms.gle/6sSmmYvcDWYegrB4A |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| **5.** | Apakah syarat kelayakan peserta bagi permohonan Program MyLesen B2 Tahun 2024? | Syarat-syarat Peserta:<br>a) Warganegara Malaysia;<br>b) Berumur 16 tahun dan ke atas;<br>c) Terbuka kepada golongan B40 dan tanggungan;<br>d) Sihat fizikal dan mental;<br>e) Bebas senarai hitam mahkamah, JPJ atau PDRM; dan<br>f) Belum memiliki sebarang lesen memandu. |
| **6.** | Berapakah kos bayaran bagi Program MyLesen B2 Tahun 2024? | Tiada bayaran akan dikenakan kerana kos latihan dan ujian (termasuk ulangan) adalah dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. |

<table>
<tr><th>BIL</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>7.</td><td>Berapa lamakah tempoh masa yang diperlukan oleh setiap peserta untuk menjalani latihan dan ujian memandu bagi Program MyLesen B2 Tahun 2024?</td><td>Peserta perlu menjalani kesemua modul kursus, latihan dan ujian memandu mengikut tempoh masa dan prosedur yang telah ditetapkan oleh JPJ sebelum Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2 dikeluarkan seperti berikut:
<table>
<tr><th>KELAS LESEN</th><th>MASA</th></tr>
<tr><td>B2</td><td>
<ul>
<li>Kursus Teori (KPP01)<br>– 6 Jam</li>
<li>Ujian Bertulis (KPP01)<br>– 1 Jam</li>
<li>Latihan Praktikal Di Litar (KPP02)<br>– 9.5 Jam</li>
<li>Latihan Praktikal Di Jalan Raya (KPP03)<br>– 6 Jam</li>
<li>Pra Ujian (QTI)<br>– 30 Minit</li>
<li>Ujian JPJ</li>
</ul>
</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Di manakah peserta perlu menjalani latihan dan ujian memandu bagi memperoleh Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2?</td><td>Peserta perlu mengikuti kursus, latihan dan ujian di Institut Memandu yang telah ditetapkan oleh JPJ sahaja.<br><br>Penempatan lokasi latihan dan ujian akan ditetapkan berdasarkan lokasi terhampir dengan pilihan peserta.</td></tr>
</table>

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| **9.** | Adakah peserta dibenarkan untuk bertukar ke Institut Memandu (IM) lain setelah berjaya menjalani sebahagian daripada latihan yang ditetapkan atau dibenarkan untuk berhenti daripada meneruskan latihan dan ujian? | Tidak. Peserta perlu menghabiskan latihan dan ujian di IM yang didaftarkan dan tidak dibenarkan untuk bertukar ke IM lain.<br><br>Peserta adalah tertakluk kepada syarat-syarat Program yang ditetapkan melalui satu (1) Surat Aku Janji bagi memastikan komitmen peserta terhadap Program yang dilaksanakan. |
| **10.** | Adakah kos-kos lain yang tidak termasuk di dalam pakej yuran Program MyLesen B2 Tahun 2024 akan turut ditanggung oleh pihak Kerajaan? | Tidak. Kos-kos lain seperti pemeriksaan kesihatan, pengangkutan, penginapan dan makan minum sepanjang peserta mengikuti kursus, latihan dan ujian memandu perlu ditanggung oleh peserta dan tidak termasuk di dalam pakej yuran pembiayaan oleh pihak Kerajaan. |
| **11.** | Apakah yang menyebabkan peserta dikeluarkan daripada menyertai Program MyLesen B2 Tahun 2024? | Apabila peserta gagal untuk menamatkan Program sebelum tempoh yang telah ditetapkan iaitu November 2024. |
| **12.** | Bilakah tarikh tutup penyertaan bagi Program MyLesen B2 Tahun 2024? | Tarikh tutup adalah sehingga kuota penyertaan dipenuhi. |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| **13.** | Adakah peserta perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum menyertai Program MyLesen B2 Tahun 2024? | Tidak. Namun peserta perlu membuat pengesahan kesihatan kendiri melalui Borang Perakuan Kesihatan Calon yang telah disediakan. |
| **14.** | Adakah Orang Kurang Upaya (OKU) dibenarkan untuk menyertai Program MyLesen B2 Tahun 2024? | OKU yang dibenarkan adalah bagi kategori yang tidak melibatkan sebarang pengubahsuaian kenderaan sahaja seperti yang berikut:<br>a) Pendengaran;<br>b) Pertuturan; atau<br>c) Pembelajaran.<br><br>dengan mendapat pengesahan pegawai perubatan yang bertauliah (Borang Pemeriksaan Kesihatan Permohonan Lesen Memandu Orang Kurang Upaya). |
| **15.** | Sekiranya terdapat sebarang persoalan berhubung pelaksanaan Program MyLesen B2 Tahun 2024 ini, apakah sumber yang boleh dirujuk? | Sebarang pertanyaan berhubung pelaksanaan Program MyLesen B2 Tahun 2024 boleh dikemukakan kepada **mylesenb2@jpj.gov.my** atau **03 - 8892 8714/8693.** |